

Lawatan ke China dijangka bawa masuk pelaburan besar



Daripada
Mohd
Nasaruddin
Parzi
di Beijing
bhnews@bh.com.my

PM bakal umum nilai diraih daripada beberapa MoU dimeterai

Malaysia dijangka meraih pulangan nilai pelaburan besar menerusi lawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim ke China yang bermula semalam, lawatan pertama beliau ke Asia Timur selepas dilantik sebagai Perdana Menteri Ke-10 pada November lalu.

Lawatan itu yang juga sempena sambutan ulang tahun ke-10 Perkongsian Strategik Komprehensif Malaysia-China tahun ini, boleh disifatkan bersejarah, selain menunjukkan hasrat kerajaan China dipimpin Presiden Xi Jinping untuk memupuk hubungan lebih erat dengan Kerajaan Perpaduan.

Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir pada sidang media di sini, memaklumkan Perdana Menteri akan mengumumkan nilai pelaburan yang bakal diperoleh negara berdasarkan memorandum persefahaman (MoU) yang akan dimeterai nanti.

"Saya tak boleh nyatakan di sini (nilai pelaburan), tapi saya boleh sebut jangkannya (jumlahnya) agak besar.

"Biarlah Perdana Menteri sendiri umumkan, biarlah ia menjadi satu kenyataan yang akan dikeluarkan oleh Perdana Menteri berdasarkan MoU yang akan ditandatangani nanti.

"Ada dua bentuk MoU, satu berkaitan perdagangan dan satu lagi dalam bentuk persefahaman antara kerajaan. Ia seperti kerjasama dalam bidang pertanian antara kementerian serta jabatan dan kementerian di sini," katanya.

China adalah rakan dagang terbesar Malaysia sejak 2009, dengan nilai perdagangan antara kedua-dua negara tahun lalu mencecah 17.1 peratus daripada jumlah perdagangan global Ma-



Anwar yang dalam rangka lawatan rasmi 4 hari ke China tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Boao, Hainan, bagi menghadiri Forum Tahunan Boao untuk Asia, semalam. Beliau disambut antaranya oleh Zambry, Naib Gabenor Hainan, Chen Huaiyu dan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Amran Mohamed Zin. (Foto Bernama)

aysia yang bernilai RM2.8 trilion.

Jumlah perdagangan Malaysia dan China bagi 2022 adalah RM487.13 bilion, meningkat 15.6 peratus berbanding tempoh sama 2021.

Jumlah eksport negara kita ke China pula meningkat 9.4 peratus kepada RM210.62 bilion (AS\$47.84 bilion), manakala jumlah import dari China ke Malaysia meningkat 20.7 peratus kepada RM276.50 bilion (AS\$62.78 bilion) berbanding tahun sebelumnya.

Zambry memaklumkan, nilai pelaburan dari China sebanyak RM9.6 bilion (AS\$2.2 bilion) membuka peluang pekerjaan kepada 6,193 orang tahun lalu.

Sentuh pelbagai isu

Katanya, selain isu visa pelancong serta aspek perdagangan dua hala, beberapa perkara lain dijangka disentuh Perdana Menteri pada pertemuannya dengan pemimpin utama China antaranya keselamatan serantau, di samping usaha membina persefahaman baharu.

"Dalam konteks hubungan kita dengan China, ia bersifat komprehensif. Jadi, tentu perkara melibatkan hubungan yang dapat diperkemas dalam pelbagai bidang akan dilihat bersama-sama termasuk dalam sektor pelancongan kedua-dua negara.

"Perkara mustahak juga ialah bina persefahaman baharu da-

lam konteks mewujudkan persekitaran bersama.

"Bagaimana Malaysia, China dapat bersama bina kemakmuran seperti gagasan *Community of Shared Future for Mankind* dibawa Presiden Jinping dan dalam konteks kita 'Malaysia Madani'," katanya.

Dalam rangka lawatannya sehingga Sabtu, Anwar dijadual bertemu pemimpin utama negara itu serta pelabur dan tokoh korporat utama China.

"Perdana Menteri seorang daripada pemimpin terawal melawat Beijing selepas pelantikan semula Presiden Jinping untuk penggal ketiga beberapa minggu lalu dan pelantikan Li Qiang sebagai Perdana Menteri China yang baharu," kata Zambry.

Perdana Menteri tiba di Boao, Hainan pada jam 5 petang kelmarin bagi menghadiri Forum Tahunan Boao untuk Asia (BFA) semalam.

Anwar juga dijadual menyertai majlis iftar bersama rakyat Malaysia di China, berucap di Tsinghua Universiti dan diikuti kunjungan hormat ke atas Jinping.

"Kedua-dua pemimpin akan bertukar pendapat mengenai hala tuju hubungan dua hala mengambil kira senario antara-bangsa yang semakin mencabar.

"Mereka juga akan membincangkan langkah konkrit boleh diambil dalam perdagangan, kerjasama politik, pencegahan ra-

suah dan isu ketamadunan.

"Perjumpaan Perdana Menteri akan disusuli dengan kunjungan hormat oleh Pengerusi National People's Congress, Zhao Leji.

"Perbincangan akan tertumpu kepada kerjasama pada peringkat ahli Parlimen kedua-dua negara.

"Program terakhir pada Jumaat ialah iftar anjuran Malaysia-China Chamber of Commerce yang juga persatuan peniaga-peniaga Malaysia di China.

"Program akan dihadiri pemimpin komuniti Islam di China, selain tokoh korporat Malaysia yang turut serta dalam lawatan ini," kata Menteri Luar.

Sertai mesyuarat meja bulat

Pada Sabtu, Anwar dijadual menyertai mesyuarat meja bulat bersama pelabur berprofil tinggi dan tokoh korporat China, diikuti forum perniagaan disertai 1,000 peserta Malaysia dan China serta menyampaikan ucapan tema sebelum menyaksikan pemeteraian sekurang-kurangnya 11 MoU antara syarikat Malaysia dan China.

Pada sebelah petang, Perdana Menteri akan diraikan Qiang menerusi upacara sambutan rasmi di 'Great Hall of the People' di sini, disusuli mesyuarat dua hala kedua-dua pemimpin yang kemudian dijadual menyaksikan pemeteraian sekurang-kurangnya tiga MoU.